

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO[□] DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : KEPENDUDUKAN NEGERI SELANGOR

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah data terkini kependudukan Negeri Selangor?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mengunjurkan sasaran tertentu (seperti 90 juta rakyat Malaysia menjelang Tahun 2020) dalam merangka Pelan Pembangunan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Laporan Sosioekonomi Selangor mengunjurkan penduduk Selangor bertambah daripada 6.29 juta kepada 6.38 juta pada tahun 2017 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 1.4 peratus. Maklumat terperinci anggaran penduduk pertengahan tahun 2017 mengikut pecahan kumpulan umur, kumpulan etnik dan jantina di Negeri Selangor adalah seperti di Lampiran 1.
- b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri berpandukan kepada Rancangan Struktur Negeri (RSN) Selangor 2035 yang disediakan oleh PLANMalaysia@Selangor dalam mengunjurkan jumlah penduduk Negeri Selangor. Berdasarkan Rancangan Struktur Negeri (RSN) Selangor 2035, Negeri Selangor mensasarkan jumlah penduduk seramai 7.3 juta menjelang tahun 2020.

LAMPIRAN 1

Jadual 1: Anggaran penduduk pertengahan tahun mengikut kumpulan umur, kumpulan etnik dan jantina, Selangor, 2017e

Jantina/ kumpulan umur <i>Sex/ age group</i>	Jumlah <i>Total</i>	Warganegara Malaysia <i>Malaysian citizens</i>						Bukan Warganegara Malaysia <i>Non-Malaysian citizens</i>
		Jumlah Warganegara Malaysia <i>Total</i> <i>Malaysian citizens</i>	Bumiputra	Cina <i>Chinese</i>	India <i>Indians</i>	Lain-lain <i>Others</i>		
Jumlah <i>Total</i>	6,380.8	5,702.7	3,383.7	1,553.0	721.2	44.8		678.2
0 - 4	536.9	503.5	360.2	90.7	42.3	10.3		33.4
5 - 9	493.6	477.6	321.3	97.5	50.9	7.9		16.0
10 - 14	472.6	469.0	307.2	102.2	55.2	4.3		3.6
15 - 19	461.2	441.7	276.1	105.9	56.5	3.1		19.5
20 - 24	565.7	431.6	261.1	106.7	60.1	3.8		134.1
25 - 29	704.5	549.8	344.3	130.0	69.6	5.8		154.7
30 - 34	712.7	599.2	364.8	156.3	73.1	5.1		113.5
35 - 39	569.4	490.3	282.8	143.2	62.4	1.9		79.0
40 - 44	443.4	394.3	218.5	124.1	51.0	0.6		49.1
45 - 49	370.1	340.5	177.7	115.2	47.1	0.5		29.5
50 - 54	311.0	292.3	147.3	100.8	43.6	0.6		18.7
55 - 59	250.1	239.3	116.6	85.3	37.1	0.3		10.8
60 - 64	184.4	176.9	83.3	65.8	27.6	0.2		7.5
65 - 69	137.7	134.2	58.7	54.6	20.9	0.2		3.5
70 - 74	81.6	79.8	31.9	36.3	11.4	0.1		1.8
75 - 79	44.5	43.4	16.0	21.2	6.1	0.0		1.1
80 - 84	22.6	21.7	7.5	10.6	3.5	0.0		0.9
85+	18.9	17.5	8.1	6.6	2.8	0.0		1.4
Lelaki <i>Male</i>	3,318.3	2,895.1	1,715.2	797.0	360.7	22.4		423.2
0 - 4	279.8	262.5	187.4	47.3	22.6	5.3		17.3
5 - 9	258.4	250.0	168.7	51.3	25.8	4.2		8.4
10 - 14	241.3	239.2	157.9	51.8	27.2	2.3		2.1
15 - 19	237.5	225.4	141.5	53.8	28.5	1.6		12.1
20 - 24	297.8	214.5	128.3	54.5	29.8	1.8		83.3
25 - 29	373.2	266.3	163.5	65.9	34.1	2.9		106.9
30 - 34	369.5	294.3	178.5	76.0	37.2	2.6		75.1
35 - 39	298.3	251.0	145.1	73.0	32.1	0.8		47.3
40 - 44	233.1	205.1	113.1	65.4	26.4	0.2		28.0
45 - 49	192.1	175.6	91.9	60.0	23.6	0.2		16.5
50 - 54	163.1	152.7	77.1	52.9	22.4	0.3		10.5
55 - 59	131.2	124.8	60.3	46.2	18.2	0.1		6.3
60 - 64	94.9	90.6	42.7	34.7	13.0	0.1		4.3
65 - 69	67.9	65.9	29.3	27.1	9.4	0.1		2.0
70 - 74	38.9	38.0	15.0	18.0	4.9	0.0		1.0
75 - 79	21.4	20.8	7.5	10.5	2.8	0.0		0.6
80 - 84	10.8	10.2	3.6	5.1	1.6	0.0		0.6
85+	9.3	8.3	3.8	3.4	1.1	0.0		0.9
Perempuan <i>Female</i>	3,062.5	2,807.5	1,668.5	756.1	360.5	22.4		255.0
0 - 4	257.1	241.0	172.7	43.4	19.7	5.1		16.1
5 - 9	235.2	227.7	152.7	46.2	25.0	3.7		7.6
10 - 14	231.3	229.8	149.3	50.4	28.0	2.0		1.5
15 - 19	223.7	216.3	134.6	52.1	28.1	1.5		7.4
20 - 24	267.9	217.1	132.8	52.1	30.2	2.0		50.8
25 - 29	331.3	283.5	180.9	64.2	35.5	2.9		47.8
30 - 34	343.2	304.9	186.2	80.3	35.9	2.5		38.3
35 - 39	271.1	239.3	137.8	70.1	30.3	1.1		31.8
40 - 44	210.3	189.2	105.4	58.7	24.6	0.4		21.2
45 - 49	178.0	164.9	85.8	55.3	23.5	0.4		13.1
50 - 54	147.9	139.6	70.3	47.8	21.2	0.3		8.3
55 - 59	119.0	114.5	56.4	39.1	18.9	0.2		4.4
60 - 64	89.5	86.3	40.6	31.1	14.5	0.1		3.2
65 - 69	69.9	68.4	29.4	27.4	11.5	0.1		1.5
70 - 74	42.6	41.8	16.9	18.3	6.5	0.1		0.8
75 - 79	23.0	22.5	8.5	10.7	3.4	0.0		0.5
80 - 84	11.8	11.4	3.9	5.5	2.0	0.0		0.3
85+	9.6	9.2	4.3	3.2	1.6	0.0		0.4

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO[□] DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN LATIHAN VOKASIONAL (TVET)

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pemerkasaan pendidikan TVET di Selangor?
- b) Berapakah pelajar yang telah terlibat di dalam program ini?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO[□] DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : DASAR PERTANIAN NEGERI SELANGOR

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai Dasar Pertanian Negeri sendiri?

JAWAPAN:

- a) Sektor pertanian adalah merupakan sektor yang paling penting di dalam memastikan sekuriti makanan (*food security*) berada pada tahap yang terbaik. Namun begitu, sebagai sebuah negeri maju yang berlandaskan kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang mana sektor perkhidmatan dan pembuatan sebagai sektor utama, tahap guna tanah untuk tujuan pertanian semakin berkurangan.

Bagi memastikan sektor pertanian di Negeri Selangor sentiasa aktif dan kekal relevan di kalangan rakyat, satu Dasar Pertanian Negeri Selangor telah digariskan berpaksikan kepada 5 teras iaitu:

1. Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) Dan Penggunaan Teknologi

Kerajaan Negeri akan sentiasa memberi galakan kepada usaha-usaha penyelidikan dan juga penggunaan teknologi moden di dalam pengeluaran hasil yang berkualiti dan selamat. Antara contoh sub sektor tanaman yang sedang diperingkat kajian dari segi ekonomikal adalah tanaman di dalam bangunan yang menggunakan sumber lampu bagi mengantikan cahaya matahari dan juga kawalan suhu disamping ianya selamat dan kadar pertumbuhan yang lebih cepat berbanding penggunaan kaedah biasa di atas tanah. Cara tersebut telah mula popular di Negara Jepun, China, Taiwan dan juga Singapura kerana ianya juga boleh menjimatkan ruang.

2. Pengeluaran

Pengeluaran hasil pertanian yang akan diberikan penekanan adalah menjurus kepada tanaman atau penternakan termasuk akuakultur yang bernilai tinggi (*high value crop*) sebagai contoh tanaman *golden melon* berkonsepkan fertigasi di mana ianya tidak memerlukan kawasan yang terlalu luas untuk menghasilkan pengeluaran yang banyak dan berkualiti dengan menggunakan sistem tanaman yang berteknologi tinggi.

3. Pemasaran

Lebih banyak lokasi-lokasi jualan secara terus akan dibuka dengan objektif utama adalah memastikan pengusaha boleh menjual dengan memperoleh keuntungan yang lebih baik dan pengguna dapat membeli dengan harga yang lebih murah. Ianya termasuk kaedah jualan secara atas talian (*online marketing*).

4. Pembangunan Usahawan

Berusaha untuk mewujudkan lebih ramai usahawan di sektor pertanian di dalam pelbagai cabang seperti tanaman, penternakan, akuakultur dan juga Industri Asas Tani (IAT) dengan melaksanakan kursus-kursus dan juga seminar-seminar yang berkaitan khususnya kepada golongan generasi muda.

5. Agro Pelancongan

Di dalam pelaksanaan setiap projek-projek pertanian, unsur-unsur agro pelancongan akan diterapkan di mana ianya boleh menjadi pendapatan tambahan kepada pengusaha dan juga penduduk setempat (*economic spillover*) sebagai contoh projek penternakan lebah kelulut di mana selain dari hasil madu, pengusaha juga boleh menyediakan satu tempat penerangan berkenaan dengan industri kelulut dan juga maklumat-maklumat yang boleh menarik perhatian pengunjung termasuk mini muzium kelulut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO[□] DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : LADANG RAKYAT

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberikan tanah TOL kepada NGO atau golongan belia untuk mengusahakan ladang rakyat?

JAWAPAN:

- a) Selaras dengan visi Kerajaan Negeri Selangor sebagai Negeri Idaman, Maju Sejahtera dan Berkebajikan, Pentadbiran ini bersedia mempertimbangkan permohonan pelupusan Tanah Kerajaan daripada NGO atau golongan belia. Tujuan permohonan pelupusan boleh diusahakan sebagai ladang rakyat sama ada melalui permohonan pemberimilikan tanah di atas Tanah Kerajaan atau melalui permohonan pajakan tanah rizab ataupun pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara (TOL) di atas tanah rizab Kerajaan yang belum digunakan bagi tujuan perizaban. Pemohon perlu mengemukakan permohonan yang lengkap ke Pejabat Tanah Daerah dengan mengemukakan pelan pra hitungan tanah yang dimohon berserta pelan lokasi dan pelan kunci. Selain itu, cadangan serta perancangan pembangunan pertanian perlu dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan Negeri. Ulasan teknikal daripada jabatan teknikal yang berkaitan juga diperlukan untuk membantu Kerajaan Negeri dalam pertimbangan untuk kelulusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : SKIM MIKRO KREDIT SELANGOR

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah status terkini peserta HIJRAH dan nilai pinjaman yang telah disalurkan?
 - Bagaimanakah status pembayaran balik pinjaman terkini peserta-peserta HIJRAH?
 - Adakah Skim Mikro Kredit Selangor benar-benar telah dapat menjana kejayaan peserta HIJRAH sehingga dapat mengeluarkan diri mereka daripada kesempitan hidup? Berapa peratuskah kisah kejayaan berbanding peruntukan yang telah disalurkan?

JAWAPAN:

- Jumlah peserta Hijrah adalah sebanyak 47,907 orang dengan nilai pinjaman yang telah dikeluarkan sebanyak RM402,642,500.00
- Sebanyak 779 orang peserta yang tidak membuat bayaran balik dengan nilai tunggakan sebanyak RM3,930,901.00
- Kertas cadangan penyelidikan Keberkesanan Program Hijrah Selangor kepada Kerajaan Negeri telah disediakan dan akan dilaksanakan oleh pihak UNISEL / IDE. Melalui kajian ini, pihak Hijrah Selangor mencadangkan “benchmark” kejayaan usahawan mendapat pinjaman adalah seperti berikut :
 - Kemampuan menyelesaikan bayaran balik pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan
 - Pinjaman ulangan dengan nilai yang lebih besar
 - Peningkatan pendapatan isi rumah
 - Peningkatan pendapatan perniagaan
 - Penambahan aset perniagaan / penambahan lain-lain aset
 - Perkembangan perniagaan (Penambahan bilangan cawangan perniagaan, francais dan perubahan saiz perniagaan daripada kecil ke besar seperti gerai kepada kedai / restoran)
 - Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan atau usahawan kecil di bawah bimbingan usahawan sendiri

- VIII. Perkembangan taraf pendidikan dan kesihatan keluarga
- IX. Pengembangan perniagaan melalui media sosial dan media elektronik
(Website, Facebook, Instagram dan lain-lain)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO[□] DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : RUMAH SEWA MILIK KERAJAAN NEGERI SELANGOR

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembiayaan rumah sewa milik Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Dato', sehingga hari ini sebanyak 842 unit pembiayaan rumah sewa milik Kerajaan Negeri Selangor yang dikenali sebagai Skim Smart Sewa telah dilaksanakan dengan peruntukan kos sejumlah RM 122 juta bagi tahun 2015 sehingga tahun 2017. Hartanah tersebut dibeli oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan anak syarikat LPHS iaitu Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) dilantik sebagai agen pengurusan bagi melancarkan pelaksanaan skim ini. Sehingga kini, sebanyak 341 unit rumah telah siap dibina dan telah disewakan sepenuhnya kepada orang awam dengan kadar sewaan daripada RM550.00 sebulan sehingga RM700.00 sebulan. Manakala sehingga hujung tahun ini sebanyak 150 unit lagi dijangka akan disiapkan dan sedia untuk disewakan manakala bakinya sebanyak 351 unit dijangka dapat disiapkan untuk disewakan mulai tahun 2019 hingga 2020.

Susulan daripada kejayaan Skim ini maka Kerajaan Negeri menerusi bajet 2018 telah memperuntukkan sebanyak 50 juta dengan sasaran penambahan jumlah bilangan unit 'Skim Smart Sewa' dianggarkan sebanyak 300 unit bagi membantu golongan penyewa yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk menyewa pada kadar berpatutan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN SUNGAI KELANG

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status perancangan pembangunan Sungai Kelang? Berapa kos dan bilakah ianya akan mula dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 7/2018 pada 7 Mac 2018 dan disahkan oleh MMKN 8/2018 pada 14 Mac 2018 telah meluluskan Pelan Pembangunan Sungai Klang yang dikenali sebagai Selangor Maritime Gateway (SMG) dan melantik anak syarikat milikan penuh Kerajaan Negeri Selangor iaitu Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB) sebagai *Master Developer* bagi melaksanakan Fasa 1 SMG melibatkan jajaran sejauh 22.0km bermula daripada Taman Awam Pengkalan Batu sehingga ke muara Sungai Klang.

Projek Fasa 1 SMG akan dimulakan dengan penaiktarafan Taman Awam Pengkalan Batu dan penambahbaikan kawasan pemuliharaan bakau seluas 70 ekar yang terletak berhampiran dengan Pelabuhan Klang. Pelaksanaan kedua-dua projek ini merupakan komponen penting sebagai pemangkin kepada pembangunan Fasa 1 SMG kerana Taman Pengkalan Batu dan Mangrove Point yang dibina ini akan memperagakan warisan kehijauan dengan menyepadukan ciptaan manusia dengan alam semulajadi termasuk Sungai Klang. Rakyat di Negeri Selangor khususnya akan menikmati kemudahan yang disediakan dan seterusnya membawa kepada kualiti hidup yang lebih baik, selari dengan aspirasi atau visi Kerajaan Negeri iaitu “membangun bangsa, memakmur negeri”.

Kerja-kerja awalan sedang giat dijalankan oleh pihak Landasan Lumayan dan pembinaan dijangka akan dapat dimulakan pada suku pertama 2019 dengan anggaran kos sebanyak RM30.0 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : TENAGA MAHIR UNTUK INDUSTRI AEROANGKASA

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah persiapan yang telah diambil dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam menyediakan tenaga-tenaga mahir untuk Industri Aeroangkasa Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Menyedari akan keperluan penyediaan tenaga – tenaga kerja mahir untuk Industri Aeroangkasa di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah mengenalpasti lebih kurang 20 institusi pendidikan dan kemahiran yang menyediakan kursus – kursus berkaitan Aeroangkasa di Negeri Selangor dan telah mengadakan pertemuan dengan institusi – institusi tersebut. Antaranya seperti politeknik, Universiti – UNIKL MARA (MIAT) dan institusi latihan milikan swasta.

Selain itu, pertemuan dan perbincangan juga telah diadakan bersama beberapa agensi di luar Negara seperti di Singapura bagi mendapatkan input dan cadangan– cadangan bagi penyediaan sumber tenaga kerja mahir dalam industri Aeroangkasa dimana hasil daripada perbincangan tersebut banyak membantu pihak Kerajaan Negeri bagi merangka program–program pembangunan kemahiran kepada anak tempatan untuk memenuhi keperluan pihak industri.

Pihak *Selangor Human Resource Development Centre* (SHRDC) juga telah memulakan langkah untuk menyediakan kursus kemahiran dalam penyelenggaran enjin pesawat dimana program ini diadakan dengan kerjasama pihak *General Electric Engines* (GE). Program ini telah dilaksanakan dan seramai 20 orang telah mengikuti kursus kemahiran yang telah diadakan.

Pihak *Strand Aerospace* juga turut melaksanakan program kursus kemahiran dalam industri Aeroangkasa dimana seramai 36 oarang telah mengikuti kursus yang telah ditawarkan dan akan tamat pada September 2018. Pengambilan kedua pula akan dimulakan pada Oktober 2018 yang akan menawarkan kursus untuk seramai 35 orang.

Dalam penyediaan Pelan Tindakan Aeroangkasa Selangor, keperluan dalam pembangunan tenaga mahir bagi Industri Aeroangkasa telah diberi penekanan dan fokus utama. Antara bidang kemahiran yang dikenalpasti seperti penyelenggaran enjin pesawat (*Maintenance, Repair and Overhaul (MRO)*), penerbangan (*Aviation*), dan pertahanan (*Defense Arena*). Kebanyakan syarikat penerbangan yang ada di Malaysia seperti MAS, Airasia, Malindo dan lain-lain mempunyai institusi kemahiran mereka sendiri bagi menyediakan dan meningkatkan kemahiran kakitangan mereka. Antara program yang akan dilaksanakan adalah program perintis (*apprenticeship*) dengan beberapa syarikat seperti Sepang (Airbus) Aircraft, NADI Group of Companies – AIRDO, SME Aerospace dan beberapa syarikat lain lagi. Program perintis ini akan menyediakan kemahiran dalam bidang mengecat, penyelenggaraan enjin, *Simple MRO* dan beberapa bidang lain yang akan dikenalpasti kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : PENDIDIKAN ANAK-ANAK SELANGOR DI TIMUR TENGAH

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Status pelajar terkini dan peruntukan yang telah disalurkan sehingga kini.
 - Adakah Kerajaan Negeri dan Lembaga Zakat Selangor berhasrat untuk menambah peruntukan tersebut kepada kemasukan pelajar-pelajar baru anak Selangor di masa hadapan?
 - Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membeli/memiliki bangunan baru untuk keperluan kediaman pelajar-pelajar anak Selangor di Timur Tengah?

JAWAPAN:

- a) Secara rasminya pelajar Selangor di Timur Tengah terbahagi seperti berikut:

Negara	Jumlah pelajar
Mesir	1193 pelajar
Jordan	118 pelajar
Maghribi	25 pelajar

Berikut adalah jumlah terkini pelajar tajaan Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang menerima bantuan Dermasiswa Zakat Timur Tengah:

Bil	Jenis Bantuan	Asnaf	Negara	Jumlah Pelajar	Jumlah Bantuan (setahun)
1	Bantuan Dermasiswa Zakat Timur Tengah	Fakir, Miskin, Mualaf & Fisabilillah (golongan pertengahan)	Mesir	123 orang	RM1,012,800.00
2			Jordan	80 orang	RM2,300,000.00
3			Morocco	3 orang	RM39,000.00
4	Bantuan Pelajar Luar Negara	Fisabilillah	Mesir	819 orang	RM2,684,500.00
5			Jordon	67 orang	RM261,300.00
6			Morocco	15 orang	RM58,500.00
Jumlah Keseluruhan				1,107 orang	RM6,357,100.00

- b) Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk melaksanakan program pinjaman boleh ubah kepada pelajar Timur Tengah. Untuk makluman, pada setiap tahun LZS telah menetapkan kuota bagi pelajar baru yang akan melanjutkan pengajian ke Timur Tengah berdasarkan kepada prestasi kutipan zakat di Selangor sebelum membuat tawaran Dermasiswa Zakat Selangor.

Kuota ini memberi keutamaan kepada bakal pelajar dalam kalangan asnaf fakir, miskin, muallaf dan selebihnya adalah kepada golongan pertengahan yang menggunakan peruntukan asnaf fisabilillah.

Selain itu, LZS turut menyalurkan bantuan zakat berbentuk *one-off* kepada pelajar persendirian yang menyambung pengajian ke luar negara, namun ia bergantung kepada keperluan dan prestasi kutipan zakat semasa di Selangor.

- c) Kerajaan Negeri belum berhasrat untuk membeli bangunan baru di Timur Tengah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : PENGERAK BELIA TEMPATAN

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memperkasakan Penggerak Belia Tempatan bagi Pembangunan Generasi Muda di masa hadapan?
 - Apakah status Program Diploma Belia dalam kerjaya dan adakah ianya dapat membantu di dalam merealisasikan Dasar Belia Selangor?

JAWAPAN:

- Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) bertujuan untuk melahirkan kepimpinan belia yang berwibawa yang dapat menjadi ejen perubahan kepada golongan belia di Negeri Selangor serta bertindak sebagai jentera pelaksana Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar-dasar berkaitan pembangunan belia di peringkat akar umbi.

Perancangan sesuatu program pembangunan belia di bawah Penggerak Belia Tempatan (PeBT) adalah berdasarkan kepada 10 teras yang terkandung di dalam Dasar Belia Negeri Selangor yang menjadi tonggak kepada pembangunan belia yang mampan. Pencapaian sesuatu program itu dinilai berdasarkan kepada kejayaan sesuatu pesanan atau *input* yang cuba disampaikan melalui program-program yang dilaksanakan dapat disampaikan kepada golongan sasaran dan seterusnya dapat diaplikasikan untuk pembangunan generasi muda Selangor.

Di samping itu, pemerkasaan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) juga akan diperkuuhkan menerusi program dan latihan selaras dengan kehendak Generasi Muda Selangor. Antara program dan latihan yang akan dianjurkan adalah Program Latihan Pemantapan Organisasi dan Kepimpinan dalam usaha untuk melahirkan PeBT yang sentiasa berkaliber, komited dan mempunyai pemikiran yang luas ke arah pembangunan generasi muda sebagai penggerak kepada pembangunan negara pada masa akan datang.

Seterusnya, Kerajaan Negeri juga akan mengambil inisiatif untuk mewujudkan *Blueprint* Pembangunan Generasi Muda 2018-2022 yang akan dijadikan sebagai asas gerak kerja PeBT dan juga sebagai satu panduan dalam pembangunan generasi muda Negeri Selangor pada masa akan datang. Inisiatif ini akan melibatkan pemegang taruh yang berkaitan di dalam pembangunan generasi muda Negeri Selangor dan pemimpin Penggerak Belia Tempatan yang berada di peringkat akar umbi.

- b) Kerajaan Negeri juga amat prihatin dan menyedari akan kepentingan pendidikan kepada golongan belia khususnya di Selangor. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menarik lebih ramai anak muda menyertai Program Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan (Eksekutif) yang telah bermula pada 7 Mac 2014 di mana program ini adalah terbuka kepada semua kaum di kalangan belia yang terdiri daripada Pengurus Penggerak Belia Tempatan (PeBT) , PeBT Zon dan NGO-NGO terpilih. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama daripada Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia (IPSAS,UPM) yang mempunyai kepakaran dalam bidang pembangunan belia. Melalui program ini, Kerajaan Negeri telah memberi tajaan sebanyak RM9,400.00 kepada 23 orang pelajar dengan jumlah tajaan sebanyak RM216,200.00 yang telah berjaya menamatkan pengajian dan menghadiri majlis graduasi yang telah diadakan pada 6 November 2017 oleh pihak UPM.

Justeru itu, Program Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan (Eksekutif) ini dapat membantu merealisasikan Dasar Belia Selangor di mana melalui program ini, Kerajaan Negeri telah berjaya melahirkan generasi muda yang yang berpendidikan dan berinovasi dalam menghadapi cabaran pada masa akan datang yang mampu untuk membantu dalam memakmurkan Negeri Selangor khususnya.

Selaras dengan kejayaan tersebut, Kerajaan Negeri telah meluluskan Program Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan (Eksekutif) bagi Fasa ke-2 untuk pengambilan sesi 2018/2021 dengan tajaan kepada 30 orang pelajar dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00.